

06 SEP 1996
Abdullah-Iran

MALAYSIA DAN IRAN GERAKKAN SEMULA SURUHANJAYA BERSAMA

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Iran bersetuju mengerakkan semula Suruhanjaya Bersama Ekonomi bagi membincangkan usaha meningkatkan peluang ekonomi antara kedua-dua negara itu, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, Suruhanjaya Bersama yang tidak bermesyuarat tiga tahun itu atas sebab tertentu akan mengadakan mesyuarat di Tehran, pada November depan walaupun terdapat ugutan daripada Amerika Syarikat (AS) untuk mengenakan sekatan terhadap negara yang melabur lebih AS\$40 juta di Iran dan Libya.

"Petronas sudahpun menandatangani perjanjian dengan Iran untuk melaksanakan operasi berkaitan gas dan petrolium di Iran. Kita akan teruskan kerana perjanjian sudahpun dibuat," katanya kepada pemberita apabila ditanya sama ada Malaysia gentar terhadap ugutan AS itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan Naib Presiden Iran, Dr Hamid Mirzadeh di Wisma Putra, di sini.

Petronas akan menjalankan usahasama dengan syarikat Total S.A of France untuk membangunkan kawasan petrolium Sirri A dan Sirri E di Teluk Parsi.

Abdullah berkata, memandangkan suruhanjaya bersama itu sudah lama tidak bermesyuarat maka ada banyak perkara yang perlu dibincangkan dan diambil tindakan bagi meningkatkan peluang ekonomi kedua-dua negara.

Menurut beliau, hubungan ekonomi antara Malaysia dan Iran sesudah tertubuhnya suruhanjaya itu nampak lebih cerah lebih-lebih lagi selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu.

Menurut beliau, pelbagai bidang akan dibincangkan di mesyuarat itu nanti khususnya yang membabitkan gas dan petrolium.

Pelaburan perdagangan antara Malaysia dan Iran tahun ini berjumlah AS\$320 juta berbanding dengan AS\$250 juta sepanjang tahun lepas. -- BERNAMA
ARA PR